



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JABATAN HIDUPAN LIAR SABAH			

Orang utan **disaring**

JHLS ambil langkah pencegahan jamin hidupan liar bebas virus

Oleh Izwan Abdullah
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Buat pertama kalinya, orang utan di Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok, Sandakan dan Taman Hidupan Liar Lok Kawi, Putatan di sini, menjalani ujian saringan Covid-19.

Pengarah Jabatan Hidupan Liar Sabah (JHLS), Augustine Tuuga berkata, inisiatif itu diambil pihaknya untuk menjamin hidupan itu bebas virus dan pemantauan berterusan tetap dilaksana mengesan sebarang simptom jangkitan.

Katanya, setakat ini hasil ujian itu mendapati semua 30 orang utan berkenaan negatif Covid-19.

"Ujian saringan juga akan diulang dari semasa ke semasa sebagai langkah pencegahan bagi memastikan virus Covid-19 tidak menular dalam kalangan hidupan liar.

"Ini kali pertama orang utan di Malaysia menjalani ujian saringan Co-



HM, 13 Sept
2021_4

PASUKAN veterinar JHLS memakai sut kelengkapan perlindungan diri (PPE) ketika mengendalikan orang utan di Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok, Sandakan dan Taman Hidupan Liar Lok Kawi, Putatan.

vid-19 sejajar keutamaan kita dalam memastikan kesihatan serta kebajikan veterinar hidupan liar pada tahap terbaik," katanya dalam satu kenyataan, semalam. Menurutnya, ujian saringan itu dilaksana pasukan veterinar JHLS dan Unit Penyelamat Hidupan Liar

(WRU) diketuai Dr Rosa Si-pangkui, Dr Nabila Sarkawi dan dibantu Dr Mischellena Samanthan serta Dr Umamaheswary Kalamathan. Sementara itu, Timbalan Pengarah JHLS yang juga

Ketua WRU Sabah, Dr Sen Nathan berkata, langkah itu diambil kerana ditakuti hidupan liar berkenaan dijangkiti Covid-19 berikutan peningkatan kes Covid-19 di Sabah ketika ini.

Katanya, kebimbangan juga disebabkan ada antara penjaga hidupan liar dan kakitangan di kedua-dua fasiliti JHLS disahkan positif Covid-19.

Menyokong inisiatif itu adalah pertubuhan *Orangutan Appeal UK* (OUAK) yang membantu menyumbang dana untuk kit ujian antigen Covid-19, *pulse oximeter* dan ubat-ubatan buat orang utan serta kakitangan di Sepilok dan WRU.

Pengerusi OUAK, Datuk Sue Sheward berkata, pihaknya bangga dapat membantu dalam usaha memastikan populasi orang utan tidak diancam jangkitan Covid-19.

"Orang utan berkongsi 96.4 peratus DNA dengan manusia, jadi sangat penting kita melaksanakan ujian saringan terhadap hidupan liar itu dalam usaha untuk melindungi mereka.

"Begitu juga kesihatan dan kebajikan kakitangan adalah sangat penting kerana mereka terus bekerja sepanjang pandemik bagi menjaga hidupan liar sama seperti sebelum ini," katanya.



PROSES mengambil sampel calitan untuk ujian saringan Covid-19 orang utan yang dikendalikan pasukan veterinar JHLS. Gambar ihsan Jabatan Hidupan Liar Sabah

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia